



Ruj. Kami : JPNWP.100-14/21(17)
Tarikh : 5 Oktober 2016

**Pengarah IPG Kampus Bahasa Antarabangsa
Pengarah IPG Kampus Ilmu Khas
Semua Pengetua Sekolah Berstatus Pusat Tanggung Jawab (PTJ)**

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PROSES INSTALASI PERISIAN 1GFMS BAGI PEMBEKALAN KOMPUTER 1GFMS
SECARA KONTRAK SEWAAN OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pembekalan 3 unit komputer 1GFMS secara kontrak sewaan kepada semua sekolah berstatus PTJ telah dibuat mulai Disember 2015 oleh Syarikat HLA Integrated Sdn. Bhd. YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah bertanggungjawab memastikan pegawai penerima yang telah dilantik di organisasi tuan/puan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i) Memuat turun Installer 1GFMS di :
<https://onlinestorage.moe.gov.my/public/106f3c2ccd03783628111b3704c3261a> atau dapatkan CD Installer dari Sektor Pengurusan Maklumat, JPWPKL ,
- ii) Membuat instalasi perisian yang diarahkan oleh Bahagian Akaun, Kementerian Pendidikan Malaysia dan
- iii) Mengisi borang verifikasi instalasi 1GFMS dan dikembalikan ke Sektor Pengurusan Maklumat, JPWPKL

3. Untuk makluman YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Kementerian Pendidikan Malaysia menetapkan bahawa instalasi perisian 1GFMS perlu dilaksanakan pada atau sebelum 15 Oktober 2016.

4. Sebarang pertanyaan sila hubungi Cik Zarina Binti Mohamad Zakaria (03-62036021), Sektor Pengurusan Maklumat, JPWPKL.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJAH FOZIAH BINTI BUANG)

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

"GEMILANG DALAM KALANGAN YANG CEMERLANG"



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO.: AR4166



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO.: AR4166